

Pelajar Melayu tidak boleh terus harap hak istimewa

BH - 1 JUN 2002

Oleh Kadir Dikoh dan
Tuan Nazuri Tuan Ismail

PUTRAJAYA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelajar Bumiputera tidak boleh terus mengharap kepada hak keistimewaan orang Melayu dalam bidang pendidikan, sebaliknya harus menerima hakikat bahawa mereka perlu bersaing.

Perdana Menteri berkata demikian dalam satu perjumpaan dengan Exco Pergerakan Pemuda Umno di sini, petang ini.

Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda Umno, Dr Adham Baba yang ditemui *Berita Harian* selepas pertemuan itu, berkata, Dr Mahathir juga berkata walaupun orang Melayu berbangga dengan hak keistimewaan pada pandangan orang luar, hak itu adalah satu penghinaan.

Pertemuan kira-kira tiga jam yang membincangkan pelbagai perkara itu dihadiri semua Exco Pemuda Umno kecuali Ketua Biro Agama Pemuda, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Adham berkata, Perdana Menteri juga meminta Pergerakan Pemuda Umno mengadakan satu 'gerakan' untuk merangsang pelajar Melayu bersaing dalam keadaan sebenar agar tiada peminggiran pelajar berlaku berdasarkan kaum.

"Semangat ini perlu dibawa Pemuda Umno bagi memastikan pelajar Melayu dapat bergaul dan bercampur dengan pelajar kaum lain.

"Cara ini juga dapat mengelak tanggapan bahawa pelajar Melayu hanya dihasut pembangkang untuk belajar agama saja sehingga menyebabkan pelajar Melayu enggan bercampur dengan pelajar bukan Melayu," kata Adham.

Mengenai keputusan Kabinet yang memperuntukkan 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera bagi mengikuti Kursus Matrikulasi, Adham berkata: "Pemuda Umno akan membincangkan perkara ini pada mesyuarat Exco, 6 Jun ini.

"Tetapi Pemuda tetap berpegang kepada nasihat Perdana Menteri yang mahukan pelajar Melayu bersaing dalam keadaan sebenar.

"Pemuda setuju dengan sistem meritokrasi yang diperkenalkan tahun ini dan pelbagai pembaharuan lain dalam pendidikan tetapi apakah jaminan yang kita peroleh daripada pengenalan sistem ini?," katanya.

Beliau berkata, Pemuda Umno tidak boleh membuat sebarang keputusan sama ada menyokong atau membantah keputusan Kabinet kerana isu berkenaan masih baru dan perlu kajian teliti.

LIHAT MUKA 2

Program matrikulasi untuk pelajar bukan Bumiputera

BH - 1 JUN 2002

DARI MUKA 1

Keputusan itu, yang dibuat pada mesyuarat jemaah menteri semalam sekali gus menamatkan monopoli Bumiputera dalam program itu sejak diwujudkan hampir 30 tahun lalu.

Sebelum itu, selepas mempengerusikan sesi kedua majlis dialog Belanjawan 2003 pada sebelah pagi Dr Mahathir menjelaskan langkah kerajaan membuka Program Matrikulasi kepada pelajar bukan Bumiputera bertujuan mendedahkan pelajar Bumiputera kepada keadaan hidup sebenar dalam masyarakat pelbagai kaum.

Perdana Menteri berkata, dengan memperuntukkan kuota 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera, maka pelajar Bumiputera akan berpeluang berinteraksi dengan rakan daripada kaum lain.

"Kita dapati kalau kita tak bagi langsung kepada kaum lain, maka budak Melayu yang pergi ambil matrikulasi ini, kadangkala mereka datang daripada sekolah yang tidak ada langsung kaum lain.

"Umpamanya, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)... di situ masyarakat Melayu saja. Masuk matrikulasi pun, masyarakat Melayu saja. Jadi mereka kemudian tidak boleh menyesuaikan diri dengan masyarakat yang sebenar, kehidupan sebenar yang mereka akan hadapi.

"Sebab itu kita nak masuk 10 peratus (pelajar bukan Bumiputera) kepada matrikulasi," katanya.

Hari ini akhbar melaporkan bahawa keputusan membuka Program Matrikulasi kepada pelajar bu-

kan Bumiputera dengan peruntukan 10 peratus tempat itu dibuat oleh mesyuarat Kabinet kelmarin.

Ditanya bila program membenarkan kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke Program Matrikulasi itu dilaksanakan, Dr Mahathir berkata ia akan dijalankan secepat mungkin.

Mengenai kemungkinan tindakan itu akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Melayu, beliau berkata rakyat sekarang harus menerima hakikat kehidupan dalam masyarakat majmuk tanpa ada sekatan untuk mereka bercampur gaul.

"Dunia yang kita hidup sekarang ini mempunyai kaum yang lain. Kalau kita daripada kecil sampai besar tak tahu kaum lain langsung, kita tak boleh berinteraksi dengan mereka.

"Kita tak boleh hidup selalu dengan ada pagar di sekeliling kita. Kalau kita buat macam itu, esok kita tak boleh bersaing dengan sesiapa pun. Kalau kita selalu pakai tongkat, bila nak berjalan... sampai bila kita tak boleh berdiri tanpa tongkat," katanya.

Bagaimanapun katanya, beliau tidak tahu sama ada langkah itu akan dapat menyelesaikan masalah isu meritokrasi.

Program matrikulasi yang dijalankan selama setahun menawarkan tiga aliran iaitu sains fizik, sains hayat dan perakaunan.

Pada Mac lalu, Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan menawarkan tempat kepada 18,000 pelajar Bumiputera mengikuti program matrikulasi sesi akademik Mei/Jun ini. Tahun sebelum itu, pengambilannya membabitkan 17,700 pelajar.